



Buletin JWZH

Jabatan Wakaf, Zakat & Haji



جباٰن وقف
زکاٰ دان حج

• PRAGMATIK • RESPONSIF • OBJEKTIF

Bil. 2/2007

ISSN 1985-2029



Perkampungan Hadhari Peringkat Parlimen Besut, Terengganu 27 Julai 2007 – 29 Julai 2007



Menarik di dalam

- Merdeheka! Imbauan Malaysia Gemilang!
- Perkampungan Hadhari: Satu Catatan
- Kerjasama Antarabangsa Dalam Membangunkan Harta Wakaf Di Malaysia

- Kunjungan Hormat Jabatan Wakaf, Zakat & Haji (JWZH) Ke Lembaga Tabung Haji (LTH)
- Bijak Mentadbir Harta: Tanda Kesyukuran Seorang Muslim

Sidang Editor

Penasihat:

Dr. Sohaimi bin Hj. Mohd Salleh

Ketua Editor:

En. Hasnol Zam Zam bin Ahmad

Editor:

En. Mohd Gunawan bin Che Ab. Aziz

En. Hasan Hafizi bin Hanapi

Cik Arifah binti Mohd Zahudi

Pembantu Editor:

Pn. Nikhat binti Niaz Ahmad

En. Mohamad Samsi bin Kamarudin

Cik Rohainun binti Rasdi

Grafik:

Pn. Zakiah binti Ya

Jurutaip:

Cik Dahlia binti Ishak

Pn. Rohaizah binti Mohd Rojulan

Jurufoto:

En. Abdul Khalid Azamir bin Abdul Halim

En. Abdul Aziz bin Ahmad

Pentadbiran dan Edaran:

Pn. Nur Syaffina binti Ab Rahim


En. Zakaria bin Ahmad

Hakcipta Terpelihara ©


JWZH 2007

PENAFIAN :

JWZH tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang penulisan dan artikel yang disiarkan dan ia juga tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pendirian Jabatan.



Kata-Kata Aluan Ketua Editor



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah. Segala puji bagi Allah S.W.T., pemilik sekalian alam. Menuntut ilmu wajib ke atas setiap Muslim. Sebagai seorang Muslim, kita telah dibekalkan dengan sumber ilmu pengetahuan yang syumul sebagai panduan hidup iaitu al-Quran. Melihat kepada sejarah kegemilangan tamadun Islam, pencarian dan kecintaan terhadap ilmu pengetahuan amatlah mendalam sehingga dapat melahirkan tokoh-tokoh cendekiawan Islam yang terulung seperti Imam Syafie, Imam Malik, Imam Abu Hanifah, Imam Ahmad bin Hanbal, Imam al-Ghazali, al-Razi dan Ibn Rusydi. Kepakaran mereka bukanlah hanya tertumpu pada bidang agama malah pelbagai bidang lain seperti matematik, astronomi, geometrik, perubatan dan banyak lagi. Karya-karya mereka banyak diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa dan dijadikan panduan hingga ke hari ini.

Pembacaan yang berkualiti adalah salah satu kaedah untuk menuntut ilmu pengetahuan. Berdasarkan laporan tabiat membaca yang telah di buat oleh UNESCO, budaya membaca di kalangan masyarakat Malaysia masih jauh ketinggalan berbanding dengan negara-negara maju. Tahap pembacaan masyarakat Malaysia yang masih rendah adalah cabaran yang perlu ditangani dengan pendekatan bersepada untuk melahirkan masyarakat berilmu dan bermaklumat.

Pada hari ini lambakan bahan bacaan yang tidak berkualiti seperti majalah hiburan lebih berjaya menarik minat pembaca daripada bahan bacaan ilmiah. Di samping itu, masyarakat juga terdedah kepada bentuk bacaan bukan tradisi seperti bahan daripada internet yang keaslian dan ketepatan bahan kandungannya boleh

dipertikaikan. Sesiapa sahaja boleh menulis dan meletakkan artikel mereka di dalam laman web tanpa perlu bertanggungjawab ke atas hasil penulisan mereka. Kecenderungan ini menjadi cabaran kepada misi nasional yang ingin melahirkan masyarakat bermaklumat dan modal insan yang cemerlang sebagai tonggak kepada ekonomi berdasarkan maklumat.


Sebagai usaha ke arah melahirkan masyarakat berilmu dan bermaklumat, pelbagai langkah telah diambil termasuklah melalui prinsip keempat dalam 10 Teras Islam Hadhari iaitu "Penguasaan Ilmu Pengetahuan" yang mana ciri-ciri dan nilai yang ingin dibangunkan terkandung di dalam prinsip ini meliputi umat yang cintakan ilmu, menjadi bangsa peneroka ilmu, mendalami ilmu fardhu 'ain, menguasai semua bidang ilmu fardhu kifayah, bersedia meninggalkan ilmu-ilmu negatif yang boleh merosakkan akidah dan membinaaskan masyarakat dan memantapkan integrasi ilmu melalui penghususan dan sebagainya.

Saya berharap usaha JWZH ke arah membudayakan bacaan berkualiti melalui penerbitan risalah-risalah ilmu dalam bentuk bulerin, jurnal dan manual akan dapat membantu dalam penyebaran ilmu pengetahuan dan idea-idea ke arah pembangunan intelek masyarakat seluruhnya.

. والسلام .

(HASNOL ZAM ZAM BIN AHMAD)
Timbalan Ketua Pengarah
Jabatan Wakaf, Zakat & Haji

Dari Meja Ketua Pengarah Jabatan Wakaf, Zakat & Haji



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, saya bersyukur kehadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurniaNya, diberi kesempatan untuk memberi sepatah dua kata dalam Buletin JWZH ini.

Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua agensi yang terlibat menjayakan Program Perkampungan Islam Hadhari di Parlimen Besut pada 26-29 Julai 2007. Melalui program seumpamanya, Iltizam Kerajaan untuk mengembalikan teras kemajuan dan kesejahteraan Ummah iaitu berteraskan pembinaan insan menurut kriteria yang telah digariskan dan dikecapi di zaman kegemilangan Islam dahulu dapat dihayati oleh masyarakat. Kerajaan bercita-cita untuk mewujudkan semula satu generasi umat Islam yang seimbang antara tuntutan dunia dan akhirat. Sebagaimana yang kita sedia maklum, Pendekatan Islam Hadhari juga bertujuan memberikan kefahaman kepada seluruh umat Islam bahawa kemajuan adalah sangat dituntut oleh agama, selain ia merupakan satu pendekatan yang sesuai dengan arus kemodenan serta seajar dengan nilai murni yang dianjurkan Islam. Pendekatan ini juga mengajar kita bahawa faktor pembangunan sumber manusia (modal insan) yang melibatkan akal, ilmu, kepakaran dan kepintaran, amat penting dalam memacu pertumbuhan dan pembangunan negara. Tanpa sumber manusia berkualiti dan produktif, sebuah negara akan lemah, kaku, tidak akan berdaya maju malahan sebaliknya akan mundur. Suka saya memetik kata-kata Y.A.B. Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri "**Kita menggelar pendekatan ini Islam Hadhari, secara mudah, ketamadunan Islam atau pendekatan ke arah tamadun Islam yang progresif. Ia adalah satu pendekatan yang serasi dengan kemodenan tetapi berakar umbi kukuh dalam nilai mulia dan ajaran Islam.**"

Sesungguhnya, asas pemikiran bersumberkan wahyu llahi perlu diperkasa semula untuk memastikan survival umat Islam dalam menghadapi era globalisasi, yang dipacu oleh suatu agenda tersembunyi dalam melakukan penjajahan minda melalui gaya hidup yang bercanggah dengan ajaran Islam. Oleh itu masyarakat Islam perlu berani, tegas dan bijaksana menangani impak dari globalisasi supaya sentiasa selari dengan visi atau wawasan dan misi negara ke arah pembentukan masyarakat hadhari dan saintifik

berpaksikan sains, teknologi dan inovasi yang akan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju pada tahun 2020 mengikut acuan kita sendiri. Masyarakat saintifik yang dimaksudkan ialah masyarakat berbudaya ilmu, beriman dan berakhlik yang terbentuk secara holistik.

Ciri-ciri masyarakat berbudaya ilmu pula dapat dilihat melalui cara berfikir yang terbimbing berteraskan disiplin ajaran Islam. Pemikiran yang berdisiplin hanya akan wujud dari masyarakat yang sentiasa merujuk kepada bukti, fakta dan kenyataan yang sahih dan tidak berlandaskan kepada perasangka, tohmahan dan fitnah semata-mata. Masyarakat yang berbudaya ilmu akan mempunyai kemampuan berfikir yang hebat, progresif dan sentiasa menjana perubahan minda umat.

Selaras dengan Sambutan Bulan Merdeka, saya ingin mengambil kesempatan untuk bersama-sama menghayati kesungguhan pemimpin terdahulu dalam meninggikan syiar Islam. Sejak dari negara kita mencapai kemerdekaan, Islam telah diberikan tempat yang sungguh istimewa dengan Perlembagaan Persekutuan menjadikannya agama rasmi negara. Sejarah selepas itu telah membuktikan bahawa kita telah bersama-sama memainkan peranan yang besar di dalam memartabatkan Islam sesuai dengan kedudukannya yang teristimewa itu. Umpamanya, institusi pendidikan Islam membangun dengan pesatnya, dan terbinanya pusat-pusat pengajian yang sangat selesa lagi membanggakan. Lebih penting lagi sistem pendidikan tinggi Islam di negara kita juga menyediakan pelbagai kursus termasuklah teknologi, perubatan dan kejuruteraan. Ini memberikan gambaran bahawa Islam bukan sahaja ibadat khusus tetapi sesungguhnya merupakan satu peradaban. Selain itu, aspek ekonomi dan kewangan Malaysia telah mempelopori satu kerangka kewangan Islam, seperti sistem perbankan dan sistem insurans yang bukan sahaja menepati kehendak syara' tetapi amat kompetitif dari segi produknya dan mula diterima dan diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Sejajar dengan Pendekatan yang diperkenalkan ini, sebagai penjawat awam, kita harus sedar tanggungjawab dan amanah yang diberikan kepada kita. Y.Bhg Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Sidek Hassan pernah berkata "**Masih banyak ruang di dalam sistem pentadbiran dan pengurusan yang patut diperbaiki dan dalam masa yang sama kita mesti membentuk kekuatan modal insan berkualiti.**" Sehubungan itu, marilah kita bersama-sama berazam untuk terus menjadikan Malaysia melalui Pendekatan yang diterbitkan dari buah fikiran Y.A.B. Perdana Menteri kita sebagai sebuah negara Islam terbaik dan boleh dicontoh oleh dunia. Akhir kata, saya mendoakan semoga kita akan dapat merealisasikan umat Islam di Malaysia menjadi contoh terbaik dan berkemampuan bersaing di peringkat global.

والسلام

(DR. SOHAIMI HAJI MOHD SALEH)

Ketua Pengarah
Jabatan Wakaf, Zakat & Haji



Oleh: Mohd Gunawan bin Che Ab. Aziz

Pernah dengar perkataan ‘merdeheka’? Sebenarnya, perkataan ‘merdeheka’ adalah satu makna dengan perkataan ‘merdeka’. Kamus Dewan memberikan makna perkataan ‘merdeka’ atau ‘merdeheka’ sebagai, “bebas (daripada penjajahan, kurungan, naungan, dll), lepas (daripada tebusan, tuntutan), berdiri sendiri, tidak bergantung pada yang lain.” Manakala perkataan ‘kemerdekaan’ pula, membawa maksud, “perihal merdeka (bebas)” atau kebebasan.

Kemerdekaan merupakan satu nikmat dan anugerah Allah SWT yang amat besar kepada kita. Dan nikmat ini telah kita nikmati selama 50 tahun yang lalu, setelah hampir 500 tahun bangsa kita dibelenggu kehinaan penjajahan. Setiap nikmat, perlu kita syukurkan; dan dengan penuh insaf kita perlu menyedari, setiap nikmat juga pasti akan dipersoalkan kembali oleh Allah SWT.

Kesyukuran yang dituntut, bukan sekadar hanya melafazkan perkataan syukur atau mengadakan majlis kesyukuran, malah kesyukuran ini menuntut suatu tindakan dan pengisian yang jauh lebih konkrit bagi mengisi erti kemerdekaan ini. Sejauh mana kesungguhan kita mengisi makna kemerdekaan bangsa ini? Sejauh mana pula kita benar-benar memerdehekakan diri kita daripada penjajahan minda dan budaya daripada kurungan rasa rendah diri kepada kemuliaan jati diri sebagai ummah yang terbaik?

Pengisian kepada erti dan makna kemerdekaan merupakan satu agenda besar bangsa Malaysia. Ini dapat digambarkan melalui slogan dan tema sambutan kemerdekaan, yang setiap tahun, dengan penuh setia kita meraikan dan merayakannya. Sebagai renungan, marilah kita mengimbau dan menatap tema-tema tersebut. Semoga saban tahun sambutan kemerdekaan ini benar-benar akan menjadi pencetus tekad dan komitmen kita untuk membina kehadharian negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang!

Getar Suara Ini

*Cahaya fajar menyimbah bumi bertuah
Sekian kalinya
Menyapa embun di dedaunan
Lalu bumi ini tersenyum dan menadah syukur
Setiap inci, setiap jengkal...
Ada nadi yang berdenyut..
Penuh gamit-gamitan zaman imbauan silam
Tapi...
Getar suara 50 tahun yang lalu
Masih sama membuat di dada muda..
Dengan nada dan tempik semangat yang sama...
Menggalas gemilang
Menggapai terbilang....
“Merdeka! Merdeka! Merdeka!”*

*500 tahun dalam jerih
Perih
Hina
Durja
Lalu nafas-nafas yang dihela
Setelah usia emas merdeka kini...
seluruh belahan jagat raya
menanti
setiap kata, kota, ujar dan ajar
Tanah Melayu bertuah ini...
Adalah tuntunan ummah
Menggarap
Kehadharian silam
Menjadi langkah-langkah megah
Menyandang penuh gah sebagai "Khairo Ummah!"*

Ilham daripada-Nya untuk:
sangFaqir
14.8.2007

Tahun	Tema	Tahun	Tema
1976	Ketahanan Rakyat	1989	Bersatu
1977	Bersatu Maju	1990	Berjaya
1978	Kebudayaan Sendi Perpaduan	1991	Wawasan 2020
1979	Bersatu Berdisiplin	1992	Wawasan Asas Kemajuan
1980	Berdisiplin Berbakti	1993	Bersatu Menuju Wawasan
1981	Berdisiplin Berharmoni	1994	Nilai Murni Jayakan Wawasan
1982	Berdisiplin Giat Maju	1995	Jati Diri Penggerak Wawasan
1983	Bersama Ke Arah Kemajuan	1996	Budaya Penentu Kecapaian
1984	Amanah Asas Kejayaan	1997	Akhlik Mulia Masyarakat Jaya
1985	Nasionalisme Teras Perpaduan	1998	Negara Kita, Tanggungjawab Kita
1986	Bangsa Tegas Negara Teguh	1999	Bersatu Ke Alaf Baru
1987	Setia Bersatu Berusaha Maju	2000 – 2006	Keranamu Malaysia
1988	Bersatu	2007	Malaysiaku Gemilang

Perkampungan Hadhari: Satu Catatan

Oleh: Mohamad Samsi bin Kamarudin

Pada 27 hingga 29 Julai yang lalu Jabatan Wakaf, Zakat & Haji telah menyertai pameran Program Perkampungan Hadhari Peringkat Parlimen Besut di Gong Kemuntong, Besut. Ini adalah penyertaan kedua JWZH dalam pameran seumpamanya dan kali ini seramai 1850 orang pengunjung yang berdaftar di booth JWZH.

Ternyata kehadiran JWZH telah menarik perhatian setiap pengunjung, tidak dinafikan cenderahati yang diberi memainkan sedikit peranan. Tetapi kejayaan pameran JWZH pada kali ini adalah diukur berdasarkan kepada jumlah pengunjung yang bertanyakan soalan. Rata-rata pengunjung menyokong penubuhan JWZH dan ada yang mengatakan mengapa terlalu lewat jabatan ini diwujudkan. Lapang dada mendengarnya.

Masyarakat setempat nyata tertarik dengan model hotel wakaf yang bakal didirikan di Kuala Terengganu yang dipamerkan sehingga ada yang berhajat mewakafkan tanah mereka. Saya teringat seorang lelaki, En. Azmi berumur dalam lingkungan 30-an bertanya samada dia boleh mewakafkan 20% milikannya atas tanah yang diwarisi. Ini menunjukkan kesedaran telah timbul hasil daripada pameran tersebut kerana selama ini tanah wakaf terbiar tanpa diusahakan. Kejayaan projek hotel wakaf tersebut telah memberi nafas baru kepada sistem wakaf keseluruhannya.

Persoalan yang paling banyak diajukan adalah berkaitan dengan zakat. Terdapat beberapa isu yang sangat menarik perhatian saya. Seorang wanita, Pn. Nik berumur lingkungan 50-an telah bertanya mengenai zakat yang perlu dibayar ke atas emas yang dimilikinya. Saya difahamkan olehnya bahawa beliau memiliki emas hiasan seberat 20 gram. Beliau merupakan pemilik emas tersebut tetapi ia hanya dipakai oleh anak-anaknya pada musim perayaan. Beliau ingin tahu berapakah nilai zakat yang perlu dibayar. Mengikut pemahaman saya emas perhiasan yang dipakai tidak dikenakan zakat kecuali jika ia disimpan melebihi

tempoh setahun (cukup haul). Selain itu emas hiasan juga akan dikenakan zakat berdasarkan kepada kadar pemakaian biasa sesebuah kawasan. Pun begitu, setahu saya negeri-negeri belum menetapkan kadar nisab bagi u'ruf sesebuah kawasan. Terdetik di hati saya adakah tanggungjawab tersebut menjadi tanggungjawab JWZH? Jika ya, JWZH hendaklah membuat kajian dan berkerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri bagi menentukan nilai u'ruf emas hiasan sesebuah negeri.

Isu seterusnya (mengenai zakat juga) ditimbulkan oleh Pn. Siti, seorang wanita yang agak muda, dalam lingkungan awal 40-an. Saya dimaklumkan bahawa beliau memiliki perniagaan sendiri. Kali ini saya terperanjat apabila diberitahu yang mana beliau memiliki emas hiasan seberat 1000 gram. Dalam hati saya berkata, pasti perniagaannya sangat maju. Persoalan yang ditimbulkan olehnya adalah, jika kesemua emas tersebut digadaikan bagi memperolehi modal perniagaan, adakah zakat ke atas emas tersebut wajar dibayar. Saya perlu dapatkan ulasan insan yang lebih berpengalaman! Dalam perkara ini terdapat dua perkara dibangkitkan, pertama emas tersebut digadaikan untuk mendapatkan modal perniagaan, kedua emas tersebut disimpan di tempat gadaian. Dalam konteks ini saya lebih yakin bahawa apabila emas tersebut digadaikan bagi tujuan mendapatkan modal perniagaan maka yang perlu diambil kira adalah tujuannya iaitu untuk perniagaan. Maka zakat yang wajar dikenakan adalah zakat perniagaan. Wallahu'lam.

Kehadiran pengunjung kecil pula telah disambut dengan program teka silangkata. Tujuannya adalah untuk memberikan peluang kepada kanak-kanak berinteraksi dengan warga JWZH dan memeriahkan suasana. Ternyata sambutan sangat menggalakkan hingga terdapat juga ibubapa yang mencadangkan agar diadakan program seumpama itu untuk golongan dewasa.

Kesimpulan yang diperolehi daripada Program Perkampungan Hadhari tersebut, masyarakat Islam di negara ini amat berminat untuk mempraktikkan cara hidup Islam dan kesedaran beragama di kalangan masyarakat semakin ketara. Mereka sedar jika Pendekatan Islam Hadhari diterapkan dalam sistem ekonomi negara, kejayaan pasti akan menyusul. Tiada lagi kemiskinan, pengangguran dan bermacam-macam masalah sosial lainnya. Secara umumnya masyarakat Islam di Besut menyokong Pendekatan Islam Hadhari untuk kemajuan ummah seluruhnya!



Hadith

Rasulullah S.A.W bersabda yang maksudnya:
"Pada akhir zaman kelak manusia harus menyediakan harta untuk menegakkan urusan agama dan urusan dunianya."

Riwayat at-Thabrani

Gambar-Gambar Sekitar Perkampungan



Warga kerja JWZH sibuk menyiapkan bahan-bahan pameran.



Tarik sikit bang! Senget ni.



Jam 3.00 pagi, masih mengecat dinding booth.



Booth JWZH yang siap dipasang hasil usaha dan komitmen padu warga kerja JWZH.



Ketibaan tetamu kehormat disambut meriah



Y.B. Menteri disambut meriah.



Ketua Pengarah dan warga kerja JWZH bergambar kenangan bersama To' Puan Wan Naimah isteri Y.B. Menteri



KP JWZH pun sibuk melayan pengunjung di kaunter.

ungan Hadhari, Besut, Terengganu



Wanita UMNO pun turut serbu booth JWZH!!



Penerangan yang bersungguh-sungguh.



Isi betul-betul kak, nanti tak dapat goody bag.



Rombongan Y.B. Menteri Dato' Dr Abdullah Md. Zin dan Y.A.B. Menteri Besar Dato' Seri Hj. Idris bin Jusoh ke booth JWZH.



Penerangan ada makna tu...



Cepat dek, masa tinggal seminit je lagi!



Penyampaian Hadiah kepada pemenang Kuiz Teka Silang Kata. Bagi... jangan tak bagi!

Cenderahati untuk pelajar-pelajar turut disediakan.



Serius nampak, ada projek baru ke?



Ketibaan Y.B. Menteri ke Forum Perdana Ehwal Islam.



Ucapan penutup oleh Y.B. Menteri,
Dato' Dr. Abdullah Md Zin.



Sibuk juga kaunter pun sempat edit artikel lagi.



Majlis makan malam Y.B. Menteri bersama pegawai-pegawai kanan.



Penyampaian Sijil Penyertaan Perkampungan Hadhari di Besut kepada wakil JWZH.



Lagu mano nok bagi muat lori neh?



KP dan TKP lega setelah semuanya selesai... jam pun sudah 2.00 pagi



Siapa pulak nak follow lori ke Putrajaya?

KERJASAMA ANTARABANGSA DALAM MEMBANGUNKAN HARTA WAKAF DI MALAYSIA

Oleh: Syarqawi @ Ahmad bin Muhammad

Y.A.B. Perdana Menteri telah menubuhkan Jabatan Wakaf, Zakat & Haji (JWZH), Jabatan Perdana Menteri dengan hasrat untuk memperkasakan pengurusan serta pembangunan harta wakaf di Malaysia. Dalam merealisasikan hasrat murni tersebut, JWZH menjalinkan kerjasama erat bersama Majlis-Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) selaku pemegang amanah tunggal bagi harta wakaf di dalam negara. Di samping kerjasama erat dengan MAIN, JWZH turut menjalinkan kerjasama pintar bersama badan serta institusi antarabangsa yang berhasrat membangunkan hartanah wakaf demi manfaat serta kebaikan ummat Islam secara keseluruhannya.

Tanggal 23 Julai 2007 yang lalu, JWZH menerima kunjungan wakil daripada Dubai Awqaf And Minors Affairs Foundation, Government of Dubai (DAMAF) dalam rangka lawatan beliau ke Malaysia. Perbincangan singkat yang diadakan bertempat di pejabat JWZH di Putrajaya, Malaysia bakal membuka lembaran baru bagi JWZH dalam membangunkan hartanah wakaf. Dr. Sami Al-Salahat, wakil DAMAF menyampaikan hasratnya untuk mengenalpasti hartanah yang berpotensi tinggi bagi dibangunkan dengan bantuan kewangan daripada Yayasan tersebut. Pembangunan yang dicadangkan terbuka kepada projek berbentuk ekonomi mahupun sosial, bergantung kepada kesesuaian lokasi hartanah wakaf tersebut.

Bagi merealisasikan cadangan kerjasama pintar JWZH bersama DAMAF, satu Memorandum Persefahaman (MoU) akan ditandatangani antara JWZH dan DAMAF. MoU tersebut akan merealisasikan hasrat kedua-dua pihak untuk membangunkan hartanah wakaf di Malaysia. JWZH akan mengenalpasti hartanah sertacadanganprojekyangbersesuaiandengankerjasamadaripada MAIN manakala DAMAF akan menilai kesesuaian serta melaburkan modal bagi membangunkan projek tersebut. Kini, kedua-dua pihak sedang menilai kandungan MoU yang akan ditandatangani dan upacara menandatangani Memorandum Persefahaman tersebut



Model hotel wakaf yang dibangunkan di atas tanah wakaf

akan diadakan pada 29 Oktober 2007 bertempat di Kuala Lumpur. Ketua Pengarah JWZH akan menandatangani memorandum tersebut bagi pihak JWZH manakala pihak DAMAF akan diwakili oleh Setiausaha Agongnya.

Adalah diharapkan supaya kerjasama yang bakal terjalin antara JWZH dan DAMAF akan mengembangkan lagi pembangunan hartanah wakaf di Malaysia, di samping projek-projek pembangunan hartanah wakaf di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK 9) yang sedang dalam pelaksanaan sehingga tahun 2010. JWZH sentiasa mengalu-alukan mana-mana pihak yang ingin bekerjasama bagi membangunkan sumber wakaf di dalam negara. Semoga harta wakaf di negara ini akan menjadi satu daripada sumber ekonomi penting bagi umat Islam pada masa yang akan datang.





KUNJUNGAN HORMAT JABATAN WAKAF, ZAKAT & HAJI (JWZH) KE LEMBAGA TABUNG HAJI (LTH)

Oleh: Nikhat binti Niaz Ahmad

Salut kunjungan hormat telah diadakan oleh pegawai-pegawai Jabatan Wakaf, Zakat & Haji (JWZH) ke Lembaga Tabung Haji (LTH) pada 17 Julai 2007 yang bermula pada pukul 10.00 pagi dan bertempat di Bilik Mesyuarat Lembaga, Lantai 38, LTH. Seramai 13 orang pegawai JWZH telah turut serta dalam kunjungan tersebut.

Kunjungan hormat tersebut telah disambut oleh pegawai-pegawai kanan LTH. Aturcara majlis dimulakan dengan kata-kata aluan oleh Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif LTH, Y. Bhg. Datuk Ismee Ismail dengan memperkenalkan barisan pegawai-pegawai kanan LTH kepada wakil-wakil JWZH. Beliau juga megharapkan agar perhubungan yang terjalin di antara LTH dan JWZH akan bertambah erat di masa akan datang. Kunjungan JWZH telah diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah JWZH dan beliau telah memperkenalkan pegawai-pegawai JWZH yang hadir ke majlis tersebut dan mengucapkan terima kasih atas kesudian pihak LTH menerima kunjungan hormat dari pihak JWZH.

Majlis diteruskan dengan tayangan video korporat LTH dan diikuti dengan taklimat daripada Y.Bhg Datuk Ismee Ismail mengenai latarbelakang LTH serta Ahli Lembaga Pengarah mengenai struktur serta carta organisasi LTH.

Seterusnya, sesi soal jawab dimulakan dengan beberapa persoalan yang telah dibangkitkan oleh pihak JWZH seperti berikut:

- 1 Penempatan dan Penerbangan: LTH memaklumkan bahawa pihaknya sedang dalam proses untuk mendapatkan penyewaan penginapan dengan pihak Arab Saudi bagi satu tempoh masa yang panjang berserta amaun penyewaan yang tetap. Pengagihan penerbangan telah ditetapkan sebanyak 50% bagi Malaysia Airlines dan 50% bagi Saudi Airlines.
- 2 Kuota Haji: LTH memaklumkan bahawa kuota bagi musim haji 1428 H/2007 M adalah seramai 26,000 orang dan kuota tambahan akan dimaklumkan kelak oleh pihak Kerajaan Arab Saudi.
- 3 Peruntukan Kewangan: LTH memaklumkan bahawa pihaknya kini berdikari sepenuhnya dari hasil

pendapatannya sendiri dan tidak lagi menerima sebarang subsidi/bantuan kewangan dari pihak Kerajaan.

- 4 Skim Perjawatan:LTH memaklumkan bahawa skim perjawatan LTH adalah ditentukan oleh Ahli Lembaga Pengarah LTH dan tidak tertakluk kepada peraturan/pekeliling Jabatan Perkhidmatan Awam.
- 5 Pemilikan Hartanah: LTH memaklumkan bahawa Kerajaan Arab Saudi tidak membenarkan pihak luar untuk memiliki harta tanah di Mekah dan Madinah. Walau bagaimanapun, kelonggaran diberikan kepada pihak luar untuk memiliki harta tanah luar daripada kawasan tersebut.
- 6 Subsidi Haji: LTH memaklumkan bahawa pihak Kerajaan telah memutuskan supaya diskaun sebanyak lima peratus (5%) daripada Wang Perbelanjaan Haji (W.P.H.) sebanyak RM9,445 (harga asal) kepada RM8,973 (harga kini) diberikan kepada jemaah muassasah untuk meringankan beban mereka.
- 7 Pelaburan: LTH memaklumkan bahawa hampir kesemua keuntungan dari pelaburan diagihkan semula kepada pendeposit sebagai memenuhi obligasi sosial terhadap ummah memandangkan LTH bukan merupakan sebuah organisasi yang mementingkan keuntungan.

Pada akhir sesi kunjungan, kedua-dua pihak telah bertukar cenderamata. Majlis berakhir pada pukul 12.00 tengahari dengan sesi bergambar di antara pihak pengurusan JWZH dan LTH.



MERCU TANDA KEGEMILANGAN – JABATAN WAKAF, ZAKAT & HAJI

2 Julai 2007	Kunjungan Hormat Bahagian Mal ke Pejabat Pusaka Kecil, JKPTG	JKPTG, Putrajaya
9-11 Julai 2007	Mesyuarat Penyediaan Draf Pertama Manual Perakaunan Wakaf	Hotel Putra, Kuala Lumpur
12 Julai 2007	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pemantapan Baitulmal Kebangsaan 8/2007	Dihadiri oleh: JWZH, JAKIM, Global Interways Sdn. Bhd.
17 Julai 2007	Kunjungan Hormat JWZH ke Lembaga Tabung Haji (LTH)	Kunjungan diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah JWZH, Y.Bhg. En Hasnol Zam Zam bersama 12 orang pegawai JWZH. Disambut oleh Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif LTH, Y.Bhg. Datuk Ismee Ismail.
23 Julai 2007	Kunjungan Dr Sami Al-Salahat, wakil daripada Dubai Awqaf And Minors Affairs Foundation, Government of Dubai	Perbincangan diadakan di JWZH mengenai pembangunan hartaan wakaf.
26 Julai 2007	Bengkel "Manual Pengurusan Harta Luqatah"	Diadakan di Bilik Gerakan JWZH dan dihadiri oleh Dr. Luqman, MAIS dan MAIWP.
27-29 Julai 2007	Perkampungan Hadhari Peringkat Parlimen Besut	JWZH dijemput menyertai pameran Perkampungan Hadhari yang dirasmikan oleh Y.B. Menteri Dato' Dr. Abdullah Md Zin
31 Julai 2007	Mesyuarat Penyediaan Dokumentari Wakaf dan Zakat	Bilik Gerakan, JWZH
7 Ogos 2007	Kunjungan Balas Seksyen Pembahagian Pusaka Kecil, JKPTG ke JWZH	Taklimat pengenalan mengenai JWZH oleh Pengarah Mal diadakan di Bilik Gerakan, JWZH Dipengerusikan oleh Ketua Pengarah
8 Ogos 2007	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun [JPKA]	Dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JWZH Diadakan setiap suku tahun
15 Ogos 2007	Kunjungan IKaZ ke JWZH	Berbincang mengenai MoU di antara JWZH dan UiTM

BIJAK MENTADBIR HARTA: TANDA KESYUKURAN SEORANG MUSLIM

Oleh: Rohainun binti Rasdi

Peranan seorang khalifah mencakupi tugas-tugas mentadbir dan mengurus alam ini secara bijak mengikut syariat yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T. Walau bagaimanapun, seorang Muslim itu perlu mempunyai asas kekuatan bagi menghadapi cabaran globalisasi yang sifatnya menampilkan kekuatan ilmu dan teknologi Barat di samping gagah dengan penguasaan ekonomi kapitalis-liberalisnya.¹ Justeru itu, terpulang kepada umat Islam sendiri untuk mentadbirnya dengan cara yang paling baik dan diredhai melalui amalan bernesiga, menabung, merancang harta dan bajet serta menamakan pewaris.

Aspek pertama yang perlu dilaksanakan ialah amalan bernesiga bagi meneruskan tradisi mendapatkan rezeki yang halal seperti Rasulullah S.A.W yang kita cintai. Amat penting bagi umat Islam di saat ini untuk memiliki ilmu dan pengalaman perniagaan yang baik, selain keupayaan menjana modal yang mencukupi dan kesediaan untuk membina rangkaian yang sihat sesama umat manusia.² Aspek yang kedua ialah menabung yang merupakan usaha murni yang dituntut sebagai jaminan kewangan untuk diri dan keluarga yang ditinggalkan. Di dalam tafsir al-Qurtubi, ada menyatakan bahawa usaha tabungan adalah bertepatan dengan objektif syariah untuk menjaga agama, diri, akal, keturunan dan harta. Ia bagi mengelak berlaku kerosakan, masalah dan lain-lain terutama jika meninggalkan keluarga dan anak-anak. Tabungan ini adalah maslahah dunia yang boleh membawa kesejahteraan akhirat.³

Perkara ketiga yang tidak kurang pentingnya adalah merancang harta dan bajet. Kisah Nabi Yusuf A.S.yang mengajar Raja Aziz Mesir (zaman Firaun) cara untuk menghadapi musibah pada masa akan datang, menerusi perancangan harta yang baik wajar dijadikan teladan. Misalnya setiap umat Islam boleh menyertai mana-mana pelaburan yang akan memberikan pulangan yang berpatutan

seperti mencarum kepada pelan takaful, saham amanah atau amanah pelaburan hartaan dan sebagainya. Di samping itu, penyediaan bajet yang relevan dan baik amat penting bagi mengelakkan lebihan belanja serta mendidik ummah berbelanja dengan lebih berhemah.

Aspek keempat yang perlu diberi penelitian adalah berkaitan dengan amalan menamakan waris bagi memudahkan urusan mentadbir harta setelah ketidaan si mati. Contohnya, caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), takaful, Tabung Haji dan koperasi. Pelantikan penama tersebut dapat memudahkan agihan harta si mata (pihak pencarum) di mana keperluan kepada Surat Kuasa Mentadbir (SKM) dan Surat Probet tidak diperlukan untuk mengelakkan daripada hartanya dibekukan. Di samping itu, amalan hibah dan berwasiat juga boleh dilakukan bagi memudahkan urusan pemberian harta semasa hidup ataupun setelah kematian mereka.⁴

"Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah sesuatu kaum kepada keadaan yang lebih baik daripada sebelumnya jika mereka tidak mahu berusaha mengubah keadaan yang ada pada diri mereka sendiri" (maksud al-Quran, surah al-Ra'd ayat 11). Kesimpulannya, ianya tidak lain tidak bukan adalah untuk kesejahteraan umat Islam sendiri sekaligus mensyukuri nikmat yang telah diberikan oleh Allah S.W.T.melalui pengurusan harta yang mantap dan terbaik.

¹ *Jihad Perniagaan, Ilmu Dimensi Baru Bina Kekuatan*; Prof Dr Sidek Baba, Ruangan Ufuk Minda, Berita Harian, 31 Julai 2007, m/s 11.

² Ibid. 1.

³ *Rancang Harta Elak Merana*; Dr Siti Mashitoh Binti Mahamood, Pensyarah Kanan Jabatan Syariah dan Undang-Undang Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya; Utusan Malaysia Online, Ruangan Bicara Agama, tarikh melawat laman 06 Ogos 2007.

⁴ Ibid, 3.



YAYASAN TAQWA,
MAJLIS AGAMA ISLAM
WILAYAH PERSEKUTUAN



Perkampungan **HADHARI**

Peringkat Parlimen Besut

**27- 29 JULAI 2007
12 - 14 REJAB 1428H**

Dengan ini diakui dan disahkan bahawa

JABATAN WAKAF, ZAKAT & HAJI

Telah Menyertai

AKTIVITI GERAI (KATEGORI PAMERAN) SEMPENA
PERKAMPUNGAN HADHARI PERINGKAT PARLIMEN BESUT 2007
DENGAN JAYANYA

Anjuran:

Pusat Khidmat Masyarakat Ahli Parlimen Besut

(DATO' DR. ABDULLAH BIN MD ZIN)
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
Merangkap Pengurus Jawatankuasa Induk
Perkampungan Hadhari Peringkat Parlimen Besut 2007

29 Julai 2007



ISSN 1985-2029



9 771985 202000